

TARIKH : 18 JANUARI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 35

## OPR dijangka naik 25 mata asas

# OPR dijangka naik 25 mata asas

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**  
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kadar Dasar Semalaman (OPR) dijangka dinaikkan lagi sebanyak 25 mata asas pada mesyuarat pertama Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) 2023 esok.

Jika benar, kenaikan tersebut adalah kali kelima berturut-turut sejak dinaikkan pada Mei tahun lalu, menjadikan OPR pada 3.0 peratus berbanding 2.75 setelah dinaikkan kali terakhir pada 3 November.

Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, pihaknya menjangkakan OPR akan dinaikkan sebanyak 25 mata asas lagi untuk memastikan kadar inflasi kekal terkawal.

"Pada masa yang sama, kenaikan, ini akan memastikan pelaburan di Malaysia akan kekal menarik untuk pelabur antarabangsa melalui kadar OPR yang lebih tinggi.

"Kenaikan ini mungkin akan diumumkan pada mesyuarat MPC minggu ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Sementara itu, AmBank Research dalam laporan Prospek Ekonomi 2023 turut mengunjurkan kenaikan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.0 peratus



**BNM dijadual mengumumkan kadar baharu OPR selepas mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari, esok ini.**

**- GAMBAR HIASAN**

yang merupakan paras sama sebelum pandemik.

Firma penyelidikan itu menjangkakan kenaikan tersebut adalah yang terakhir bagi tahun ini, namun tidak menolak kemungkinan kenaikan sebanyak 25 mata asas lagi jika kenaikan harga terus meningkat disebabkan permintaan yang tinggi.

"Kenaikan lagi juga mungkin berlaku jika bank pusat utama

dunia mengetatkan lagi dasar kewangannya dengan lebih cepat, peningkatan harga komoditi dan kejutan dalam pertumbuhan ekonomi yang boleh mendorong inflasi melebihi 4.0 peratus.

"Sekiranya inflasi teras terbukti lebih degil daripada apa yang kami jangkakan pada masa ini, maka kami mungkin perlu menyemak semula jangkakan

OPR ini," ujarnya.

Dalam pada itu, AmBank Research, menjangkakan inflasi menjadi sederhana pada 3.0 peratus pada tahun ini, didorong oleh pengukuhan ringgit dan harga komoditi yang lebih rendah.

"Inflasi teras pula dijangka menurun seiring dengan jangkakan kadar penggunaan swasta yang lebih perlahan dalam tempoh yang sama," jelasnya.